

Negara perlu identiti kebangsaan

BH - 25/3/2007

KUALA LUMPUR: Malaysia perlu membentuk satu identiti untuk rakyat pelbagai kaumnya, mewujudkan institusi kebangsaan yang kukuh dan rakyat berilmu pengetahuan serta bijaksana untuk membina masa depan lebih baik.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri

Nor Mohamed Yakcop, berkata tiga elemen itu penting sebagai persediaan menghadapi pelbagai perubahan yang sukar dijangka pada masa depan.

"Elemen pertama adalah cabaran terbesar kita. Kegagalan menangani isu ini tergambar secara tragik hanya selepas 12 tahun mencapai kemerdekaan (peristiwa 13 Mei 1969).

Justeru, kita menetapkan dasar rangka kerja yang menangani punca kegagalan yang tragik itu.

"Ia memberikan kestabilan politik yang membolehkan kita melaksanakan rancangan pembangunan ekonomi. Dalam hal

ini, kita mencapai banyak kejayaan.

"Kita perlu melakukan lebih lagi untuk mencapai matlamat membentuk identiti kebangsaan dalam erti kata yang sebenar. Kita perlu mewujudkan prisma yang serupa bagi rakyat Malaysia," katanya berucap kepada pelajar Malaysia di United Kingdom, di London School of Economics, London di sini semalam.

Teks ucapannya bertajuk 'Mengimbau Krisis Kewangan 1997/1998' dikeluarkan di sini.

Beliau berkata, bagi elemen kedua, usaha juga perlu terus dilakukan untuk memperkukuh keupayaan pelbagai institusi negara, bermula dari institusi sosial seperti keluarga, masyarakat dan pendidikan sehingga kepada institusi kewangan, politik dan perundangan.

Katanya, keberkesanan pasaran se-

bagai sebuah institusi amat bergantung kepada kekuatan institusi bukan pasaran yang lain.

Pasaran ekonomi jika dibiarkan, katanya, boleh terjejas dan mewujudkan masalah sekiranya tidak wujud institusi sokongan, yang sebenarnya mewakili nilai kolektif rakyat.

"Kita bernasib baik kerana mewarisi pelbagai institusi pekerjaan ketika mencapai kemerdekaan. Bagaimanapun, kita mengubahsuai dan mencipta yang baru ketika membangun sebagai sebuah negara," katanya.

Nor Mohamed juga berkata, elemen ketiga menuntut rakyat supaya bijak dan berilmu pengetahuan kerana keupayaan untuk berjaya sebagai sebuah negara, banyak bergantung kepada kesediaan untuk belajar, mencipta dan menggunakan ilmu pengetahuan,

